

13 JAN 1999

Dompok-Pilihan raya

PM BUKA TIRAI KEMPEN PILIHAN RAYA BN SABAH 18 FEB INI

KOTA KINABALU, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan tiga hari ke Sabah bulan depan bermula 18 Feb bagi menyampaikan amanat penting kepada rakyat negeri itu menjelang pilihan raya negeri yang dijangka diadakan bila-bila masa.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata, semasa berada di sini, Perdana Menteri dijangka melancarkan Konvensyen Barisan Nasional (BN), yang disifatkan sebagai usaha terakhir memantapkan persediaan BN bagi menghadapi pilihan raya itu.

Beliau berkata Perdana Menteri juga dijadualkan melancarkan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah sebelum melakukan lawatan ke bahagian pedalaman dan menghadiri sambutan Kongsi Raya, di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri, di sini, hari ini, Dompok berkata Perdana Menteri dijangka mengakhiri lawatannya ke negeri itu pada 20 Feb.

Walaupun belum ada sebarang kepastian mengenai tarikh sebenar pilihan raya itu, banyak pemerhati politik meramalkan Dewan Undangan Negeri Sabah dijangka dibubarkan selepas sambutan Aidilfitri.

Tempoh penggal Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang akan berakhir pada 18 Mac depan.

Pilihan raya negeri kali ini, yang kesembilan sejak Sabah mencapai kemerdekaan pada 1963, dijangka menjadi antara yang paling sengit dalam sejarah politik negeri dengan kedudukan dua parti pembangkang yang sama-sama lantang mengkritik parti pemerintah.

Kali terakhir Sabah mengadakan pilihan raya ialah pada Februari 1994 apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) memenangi 25 kerusi manakala BN mendapat 23 kerusi. PBS bagaimanapun, kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri sebulan kemudian apabila sebahagian besar wakil rakyatnya meninggalkan parti itu untuk menyertai BN.

-- BERNAMA

NT PR